



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PARALINGUISTIK DALAM PEMEROLEHAN BAHASA KANAK-KANAK***

**NUR NADIRAH BINTI ZUKEFLI**

**FBMK 2017 76**



**PARALINGUISTIK DALAM PEMEROLEHAN BAHASA KANAK-  
KANAK**

Oleh

**NUR NADIRAH BINTI ZUKEFLI**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera**

**Oktober 2016**

## **HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

### ***Terima kasih ya Rabbi***

*Atas rahmat dan redha-Mu  
Terhadap perjuanganku  
Atas izin-mu aku adanya di sini*

### ***Terima kasih ayahda dan bondaku***

*Encik Zukefli bin Latiff dan Puan Rahana binti Mohamad  
Atas doa, dorongan, sokongan dan juga kasih sayang  
Sepanjang membesarkan ku tanpa rungutan*

### ***Terima kasih suamiku***

*Mohd Fikri bin Ghani  
Yang tidak jemu-jemu memberikan nasihat dan juga penguat  
Tika diri terasa lemah*

### ***Terima kasih anakdaku***

*Muhammad Fathul Islam bin Mohd Fikri  
Muhammad Umar Faruq bin Mohd Fikri  
Semoga kamu membesar menjadi anak yang soleh*

### ***Terima kasih teman-temanku***

*Atas segala pertolongan dan sokongan yang pernah kalian berikan  
Padaku  
Segala kebaikan dan jasa baik kalian akan ku kenang selagi hayat di kandung  
badan  
Selagi tuhan memberikan keizinNya*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

## **PARALINGUISTIK DALAM PEMEROLEHAN BAHASA KANAK-KANAK**

Oleh

**NUR NADIRAH BINTI ZUKEFLLI**

**Oktober 2016**

**Pengerusi : Prof. Madya Vijayaletchumy Subramaniam, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur paralinguistik dalam perkembangan komunikasi kanak-kanak. Objektif utama bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara paralinguistik yang kerap digunakan oleh kanak-kanak dengan perkembangan pemerolehan bahasa mereka dan untuk menghuraikan ciri paralinguistik yang kerap digunakan oleh kanak-kanak dalam berkomunikasi serta menganalisis faktor yang mendorong seseorang kanak-kanak itu untuk menggunakan paralinguistik apabila berkomunikasi. Penyelidikan ini berlandaskan Teori Jean Piaget (1896-1980) dan teori paralinguistik yang diperkenalkan oleh Bloch dan Trager (1942). Menurut Bloch dan Trager, paralinguistik merupakan kajian tentang penggunaan suara atau vokalisasi, iaitu memperbesar dan mengecilkan suara dan juga menyatakan bahawa paralinguistik menjadi batasan antara interaksi verbal dengan nonverbal. Penyelidik menggunakan kaedah pemerhatian, dan juga temu bual untuk melihat proses pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak berdasarkan unsur paralinguistik. Penyelidikan ini telah dijalankan di sebuah taska universal pintar yang terletak di Serdang. Penyelidik menggunakan alatan kajian seperti kad imbas abjad, binatang dan anggota tubuh badan untuk menganalisis paralinguistik dan juga pemerolehan bahasa kanak-kanak. Sampel bagi kajian ini ialah sepuluh orang kanak-kanak yang berusia dalam lingkungan satu hingga lima tahun. Penganalisan data bagi kajian ini akan dilakukan secara kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini hanya terbatas kepada objektif yang ingin dikaji, iaitu tentang paralinguistik dalam bahasa pemerolehan bahasa kanak-kanak dan juga turut memperlihatkan sejauh mana seseorang kanak-kanak menggunakan bahasa gerak geri sewaktu berkomunikasi. Hasil daripada dapatan kajian mendapati kanak-kanak lebih selesa untuk menggunakan bahasa badan sewaktu berkomunikasi dan kekerapan bahasa badan yang digunakan bergantung kepada faktor yang ada disekeliling mereka.

Abstract of thesis presented to Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

## PARALINGUISTIC LANGUAGE ACQUISITION IN CHILDREN

By

**NUR NADIRAH BINTI ZUKEFLLI**

**October 2016**

**Chairman : Vijayaletchumy A/P Subramaniam, PhD**  
**Faculty : Modern Language and Communication**

This research aims to identify and analyze the paralinguistic element in the development of children's communication. The main objective of this study was to determine the relationship between paralinguistic frequently used by children with developmental acquisition of their language and to describe the features of paralinguistic frequently used by children to communicate and analyze the factors that encourage a child to use paralinguistic when communicating. This research is based on the theory of Jean Piaget (1896-1980) and paralinguistic theory introduced by Bloch and Trager (1942). According to Bloch and Trager, paralinguistic a study on the use of sounds or vocalizations, which enlarge and shrink the sound and also said that the paralinguistic the boundaries between verbal and nonverbal interactions. The researchers used the method of observation, and interviews to see the process of language acquisition in children based on paralinguistic elements. This research was conducted on a universal smart nurseries located in Serdang. The researchers used survey tools such as flashcards alphabet, animals and limbs to analyze paralinguistic and also children's language acquisition. The sample for this study were ten children age between one and five years. The data for this study will be done qualitatively and quantitatively. This study is limited to the objectives to be assessed, is about paralinguistic language children's language acquisition and also shows the extent to which a child uses body language when communication. The result of the study found that children are more comfortable to use language body language when communicating and frequency of use depends on factors that are around them.

## PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini untuk memenuhi keperluan untuk memperoleh ijazah Master Sastera (Bahasa Melayu).

Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya maka tesis ini dapat disiapkan dengan sempurna. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya. Dr Vijayaletchumy Subramaniam (selaku pengerusi) dan Prof. Madya Dr. Raja Masittah Raja Ariffin (selaku AJK Tesis) yang telah banyak melapangkan masa untuk memberikan tunjuk ajar dan teguran dalam membantu saya menyiapkan penyelidikan projek ilmiah ini sehingga lengkap. Hanya Allah yang dapat membalasnya.

Paling penting terima kasih buat ayah, ibu, abang dan adik-adik yang banyak memberikan galakan, dorongan, dan pengorbanan tidak terhingga kepada saya. Penyelidik juga ingin merakamkan terima kasih kepada semua pensyarah dan kakitangan sokongan, dan rakan seperjuangan Program Master Sastera (Bahasa Melayu) yang banyak membantu, rakan kolej dan semua yang sentiasa bersama ketika suka dan duka, sentiasa memberikan kata semangat, bantuan dan pandangan sepanjang saya menayakan penyelidikan ini. Sokongan anda telah membawa kepada penghasilan projek ini. Jasa dan budimu akan aku kenang hingga akhir hayat.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada (Tarikh *Viva Voce*) untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nur Nadirah Binti Zukefli bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Paralinguistik dalam Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD  
Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

Che Ibrahim bin Salleh, PhD  
Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

Siti Saniah binti Abu Bakar, PhD  
Profesor Madya  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Sarjana Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD**

Professor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

### Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbis dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: \_\_\_\_\_

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan:  
Profesor Madya Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:  
Profesor Madya Dr. Raja Masittah bin Raja Ariffin

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>iv</b>
<b>PERAKUAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
<b>BAB</b>	
<b>I PENDAHULUAN</b>	
Latar belakang Kajian	1
Pemerolehan Bahasa	1
Paralinguistik	3
Tahap Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak	4
Penguasaan Bahasa Awal Kanak-Kanak	4
Peringkat Awal Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak	5
Teori Perkembangan Kognitif	6
Pertuturan Awal Kanak-kanak	9
Pernyataan Masalah	9
Persoalan Kajian	11
Objektif Kajian	11
Batasan Kajian	11
Kepentingan Kajian	12
Definisi Operasional	13
Paralinguistik	13
Pemerolehan Bahasa	13
Kanak-Kanak	14
<b>II SOROTAN KAJIAN</b>	
Kajian tentang Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak	15
Kajian tentang Komunikasi Kanak-Kanak	19
Kajian Paralinguistik	23
Perkaitan antara Sorotan Kajian dengan kajian ini	27
<b>III METODOLOGI</b>	
Reka bentuk Kajian	32
Kerangka Teori	32
Teori Perkembangan Kognitif: Jean Piaget (1869-1980)	34
Teori Paralinguistik	36
Kerangka Konsepsi	37

Kaedah Kajian	38
Kaedah Kepustakaan	38
Kaedah Tinjauan Lapangan	38
Tempat Kajian	38
Populasi Persampelan	39
Alat Kajian	39
Tatacara Kajian	39
Kajian Rintis	39
Kajian Sebenar	40
Penganalisan Data	40
<b>IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
Maklumat Demografi Responden	42
Hubungan antara paralinguistik yang digunakan oleh kanak-kanak dengan perkembangan pemerolehan bahasa mereka	44
Ciri-ciri paralinguistik yang digunakan dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak	56
Faktor-faktor yang mendorong kanak-kanak untuk menggunakan paralinguistik dalam proses pemerolehan bahasa mereka	63
Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	66
Implikasi dapatan Kajian	66
<b>V RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
Rumusan	68
Cadangan	69
Cadangan kajian Selanjutnya	71
<b>BIBLIOGRAFI</b>	72
<b>LAMPIRAN</b>	77
<b>BIODATA PELAJAR</b>	101

## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Perbandingan Perkembangan Fizikal dan Perkembangan Bahasa	8
2.1	Perkembangan Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak	29
2.2	Penguasaan Bahasa	30

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
4.1	Maklumat Demografi Responden Mengikut Jantina	42
4.2	Maklumat Demografi Responden Mengikut Umur	43
4.3	Maklumat Demografi Responden Mengikut Bangsa	43

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang Kajian

##### Pemerolehan Bahasa

Bahasa merupakan salah satu medium untuk manusia berkomunikasi dengan manusia yang lain dengan mengeluarkan bunyi yang dikeluarkan oleh alat artikulasi untuk membentuk sesuatu ujaran yang mampu untuk difahami. Mengikut Mangantar Simanjuntak (1987:103), bahasa digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi, menyuarakan perasaan, melahirkan buah fikiran, menyampaikan ilmu, mencipta keindahan melalui kesusasteraan, sama ada secara lisan mahupun tulisan serta kebudayaan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Pernyataan yang telah diutarakan oleh Mangantar jelas menunjukkan peranan yang dimainkan oleh bahasa dalam kehidupan. Asmah Hj.Omar (1996:45) pula berpendapat bahawa bahasa ialah alat yang sering kali digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi dengan manusia yang lain dengan menghasilkan bunyi bahasa yang sangat tersusun dan juga turut menurut hukum yang wujud dalam sesebuah masyarakat pengguna sesuatu bahasa tertentu, sehinggakan ianya bukan sahaja mampu melambangkan pemikiran seseorang sama ada ianya sudah mahupun sedang dilahirkan, akan tetapi yang bakal dilahirkannya juga.

Menurut Kamaruddin Hj. Hussin (1999), Komunikasi lisan berlaku apabila adanya penutur dan pendengar. Penutur ialah orang yang bercakap dengan jelas dengan sebutan yang kemas dan betul serta menggunakan intonasi dan jeda yang sesuai. Manakala pendengar pula, memahamkan ucapan yang didengar dan mentafsir serta bertindak balas terhadapnya dengan berkesan. Penutur akan menyimpan pesanan yang akan disampaikan dalam bahasa yang sesuai, manakala pendengar juga akan turut mengkod pesanan yang didengarnya. Pada masa yang sama, berlakunya pergerakan anggota tubuh badan. Perkembangan bahasa, terutamanya dalam golongan kanak-kanak berlaku secara semulajadi dan seiring dengan pertumbuhan fizikal mereka. Proses penguasaan bahasa ini juga berlaku secara berperingkat dan dikuasai oleh kanak-kanak daripada apa yang didengar dan dialami.

Komunikasi merupakan satu proses informasi yang mana ianya dipindahkan antara dua atau lebih daripada seorang individu yang terlibat. Komunikasi yang melibatkan salah satu ataupun salah satu daripada tingkah laku dan juga kelakuan, sama ada ia disengajakan ataupun tidak serta mempunyai maksud yang tertentu terhadap emosi ataupun fisiologi seseorang (Tarigan, 1990). Empat elemen yang terdapat dalam sesuatu proses ujaran, iaitu penutur yang menyampaikan pesanan, penerima yang menerima



pesanan, dan juga hasrat untuk berkomunikasi bersama serta kaedah untuk saling berkomunikasi. Komunikasi dapat dilaksanakan dalam tiga bentuk utama, iaitu dengan auditori yang menggunakan bantuan alat artikulasi seperti bibir, lidah, lelagit, gusi, dan sebagainya. Selain itu, ia boleh dipamerkan dengan bantuan visual grafik, iaitu melalui penggunaan bantuan gambar mahupun video dan yang ketiga melalui bantuan visual gestural, iaitu dengan bantuan pergerakan anggota badan dan juga muka mahupun bahasa gerak geri badan yang lain. Bahasa ialah salah satu percampuran daripada kebolehan yang digunakan oleh manusia untuk berinteraksi dan juga untuk berbahasa serta menghasilkan pengeluaran sesuatu perkataan. Menurut Sperber & Wilson (1986), bahasa merupakan salah satu istilah yang sering diguna pakai oleh manusia dalam memberikan makna kepada sesuatu bunyi perkataan mahupun gerakan badan dan juga simbol lain untuk membolehkan mereka untuk berinteraksi antara satu sama lain. R.L Birdwhistell (1970), mengatakan bahawa bahasa merupakan ilmu yang menggunakan isyarat untuk menggerakkan dan juga menyampaikan idea mahupun pendapat. Penggunaan bahasa juga dapat membolehkan manusia untuk mengenali sesuatu benda atau peristiwa meskipun peristiwa yang berlaku tanpa (*reproducing*), iaitu penghasilan semula.

Menurut Samsudin A. Rahim (1993), antara tatatingkat manusia ialah peringkat bayi, iaitu manusia yang tergolong dalam usia lapan belas bulan pertama seterusnya diikuti dengan peringkat kanak-kanak, iaitu sekitar dua tahun sehingga empat belas tahun, kemudian peringkat remaja, iaitu golongan manusia yang menjangkau lima belas sehingga Sembilan belas tahun. Manusia terus membesar sehingga melalui peringkat dewasa, iaitu sekitar usia dua puluh hingga enam puluh tahun. Kitaran hidup manusia akan berlalu sehingga peringkat tua, iaitu usia enam puluhan ke atas. Namun begitu, setiap peringkat mempunyai tingkat perkembangan dari segi fizikal mahupun mental. Perkembangan fizikal seperti bentuk tubuh badan, tipikal wajah dan sikap dipengaruhi oleh genetik keturunan. Manakala perkembangan dari segi mental banyak dipengaruhi oleh latar seperti latar sosiabudaya, sosioekonomi, hubungan dengan keluarga dan rakan sebaya dan begitu juga perihalnya dengan perkembangan bahasa manusia, khususnya golongan kanak-kanak. Perkembangan bahasa merupakan satu peringkat kompleks yang akan dialami oleh semua kanak-kanak yang normal. Kanak-kanak yang normal biasanya akan melalui proses pemerolehan bahasa sebelum melangkaui ke tahap perkembangan bahasa.

Menurut B.F.Skinner (1957), bahasa ialah satu set perlakuan yang dibina dengan beransur-ansur. Manusia tidak memerlukan mekanisma mental untuk menjana bahasa. Perkara yang perlu adalah pemerhatian yang sistematik tentang peristiwa dalam dunia luaran yang merangsang pertuturan untuk mengujarkan bunyi bahasa yang didengar. Menurut Noriah (2010), kecepatan dan kecekapan dalam penguasaan perbendaharaan kata membuktikan dengan jelas bahawa kanak-kanak sudah ada satu konsep itu sebelum mereka didedahkan kepada data bahasa, mereka mempelajari label untuk pelbagai konsep yang sememangnya sudah wujud dalam data pembentukan konsep yang ada sejak lahir. Menurut Hashimah (1999) umur tiga hingga lima tahun merupakan perkembangan bahasa yang amat ketara, bahkan Lindsay menambah lagi, pada peringkat ini kanak-kanak akan mengalami perkembangan dari segi gaya interaksi, iaitu boleh menyatakan, menggambarkan, membincangkan, menjana idea dan juga menilai tindakan mereka. Bertitik tolak daripada hal ini, kanak-kanak yang berasal daripada latar belakang yang berbeza dari segi sosial, budaya dan latar belakang ekonomi keluarga juga mempunyai

kesan ke atas cara berbahasa, malahan juga ia turut mempengaruhi tingkah laku mereka. Hal ini sejajar dengan pendapat sarjana yang, mengatakan bahawa kanak-kanak yang membesar dalam kemiskinan lebih cenderung mengalami masalah berbahasa.

### **Paralinguistik**

Paralinguistik ataupun lebih dikenali sebagai bahasa badan atau bahasa bukan verbal merupakan refleksi luaran seseorang yang berkaitan dengan emosi mereka. Menurut Allan dan Barbara (2004), Setiap isyarat dan juga pergerakan tubuh badan yang dilakukan oleh seseorang merupakan kunci untuk mengenal pasti emosi yang dialami oleh seseorang individu pada masa itu. Kunci utama untuk memahami bahasa badan adalah dengan memahami jenis emosi yang dialami seseorang serta pada masa yang sama turut mendengar perkataan yang diucapkan. Kebanyakan asas bahasa badan iaitu paralinguistik didapati sama bentuknya dari seluruh dunia. Apabila seseorang itu berasa gembira mereka akan tersenyum dan apabila seseorang itu sedang bersedih mereka akan mengerutkan dahi mereka atau bermasam muka. Bayi menggunakan isyarat badan apabila sudah kenyang menyusu dan akan menolak puting ibunya dengan menggelengkan kepala ke kiri dan ke kanan. Kanak-kanak juga turut menggunakan bahasa badan ini untuk menolak makanan yang disuap oleh ibu mereka. Dengan cara ini, kanak-kanak mempelajari teknik menggelengkan kepala untuk menunjukkan isyarat penolakan, isyarat tidak bersetuju dan juga memaparkan sikap yang negatif.

Menurut Safar dan Fatimah (1988), komunikasi yang dituturkan secara verbal dan juga paralinguistik, iaitu nonverbal haruslah dianggap sebagai salah satu unit yang saling membantu untuk melengkapi antara satu sama lain dan tidak akan terpisah kerana kedua-duanya sentiasa berkait rapat diantara satu sama dengan yang lain untuk melengkapi dalam menyampaikan sesuatu pesanan. Menurut Mahmood Nazar Mohamad (1990), kontak mata dapat mempamerkan sesuatu perasaan yang gembira mahupun yang baik seperti gembira, sedih, dan sebagainya. Manakala emosi yang sedih mahupun yang negatif dapat diperlihatkan melalui kontak mata adalah seperti malu, sambil lewa dan juga marah. Oleh itu, kontak mata merupakan elemen paralinguistik yang harus di perhatikan dalam komunikasi kanak-kanak.

Menurut Allan dan Barbara (2004), Ekspresi wajah seorang dewasa lebih sukar ditafsirkan berbanding dengan kanak-kanak. Kelajuan serta kejelasan isyarat bahasa badan yang dipaparkan oleh seseorang adalah berkait rapat dengan umur seseorang. Sebagai contohnya, seorang kanak-kanak akan menutup mulutnya dengan menggunakan sebelah atau kedua-dua belah tangannya apabila ia berbohong. Isyarat ini dapat memaklum kepada ibu bapa atau sesiapa sahaja yang berada di sampingnya bahawa kanak-kanak ini sedang berbohong kepada mereka. Isyarat paralinguistik seperti tersenyum atau ketawa diterima secara universal untuk memperlihatkan bahawa seseorang itu sedang mengalami perasaan yang gembira. Manusia akan menangis apabila dilahirkan dan mula tersenyum seawal usia lima minggu dan mula ketawa bermula dari empat atau lima bulan. Seorang kanak-kanak akan memahami bahawa

dengan menangis dapat menarik perhatian seseorang, terutama ibu bapanya dan ketawa pula boleh membuatkan ibu atau bapa bersama-sama dengan mereka.

Menurut Mahzan Arshad (2012), seseorang kanak-kanak yang normal pertumbuhannya akan mampu untuk menghasilkan bunyi bahasa dari usia seawal tiga bulan. Pada usia tersebut seseorang kanak-kanak dapat menghasilkan bunyi yang seakan-akan dapat difahami olehnya dan juga mereka yang berada di samping mereka, terutamanya ibu. Komunikasi antara ibu dengan anak pada usia awal ini berlaku dalam bentuk bunyi dan juga isyarat paralinguistik, iaitu bahasa badan yang hanya dapat difahami oleh mereka. Kemudian penguasaan bahasa ini akan berlaku secara berperingkat pada usia selanjutnya. Pada tahap perkembangan awal kanak-kanak, ia akan dapat menguasai untuk cuba bunyi bahasa yang dipertuturkan dalam persekitarannya dan kemudian bunyi yang biasa didengar akan dapat ditangkap dan terus melekat dalam minda mereka. Hal ini membantu kanak-kanak untuk mengumpul sebanyak mungkin perbendaharaan kata yang kerap digunakan dalam Suasana tumbesaran mereka.

#### **Tahap Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak**

Kanak-kanak mempunyai kebolehan serta keupayaan yang berbeza antara satu sama lain. Ada sesetengah pendapat mengatakan bahawa kanak-kanak lelaki lebih cepat berjalan dan kanak-kanak lebih cepat bertutur. Namun, secara saintifiknya pendapat ini masih belum dapat dibuktikan lagi. Tahap penguasaan bahasa yang mula dikuasai oleh kanak-kanak ini merupakan tempoh masa berdasarkan tumbesaran normal kanak-kanak yang ingin dikaji. Berkemungkinan ada kanak-kanak yang akan lebih cekap mahupun yang lebih lambat daripada tempoh masa jadual ini mungkin boleh berlaku.

Pembelajaran awal berbahasa kepada anak-anak adalah sangat mustahak pada setiap peringkat umur seseorang kanak-kanak kerana ia dapat merangsang penguasaan bahasa yang lebih baik. Mereka yang tidak memperoleh pendedahan bahasa yang secukup boleh terbantut dalam kemahiran berbahasanya kerana pada zahirnya seseorang kanak-kanak akan dapat untuk mempelajari bahasa melalui pendengaran dan juga kekerapan penggunaan bahasa dan juga komunikasi dengan orang yang lebih matang daripadanya. Oleh itu, kanak-kanak perlu diberikan pendedahan yang seawal mungkin lagi tentang bahasa supaya mereka mempunyai keupayaan bahasa yang mantap.

Menurut Mahzan Arshad (2012), seorang kanak-kanak yang normal mampu menghasilkan komunikasi dengan orang di sekelilingnya seawal usia kelahirannya lagi. Pada usia yang awal sebegini seorang bayi telah dapat menghasilkan bunyi yang seakan-akan dapat difahami olehnya tersebut dengan orang yang rapat dengannya, terutamanya si ibu atau penjaga. Komunikasi antara mereka dengan orang yang rapat boleh berlaku dalam pelbagai bentuk bunyi dan juga dengan menggunakan isyarat badan yang hanya dapat difahami oleh mereka. Bahasa yang dapat dikuasai oleh kanak-kanak ataupun bayi secara alamiah atau semula jadi tanpa perlu diajar untuk seorang kanak-kanak itu daripada menguasai bahasa ibundanya. Namun, mereka hendaklah didedahkan dengan aktiviti berbahasa dan juga kerap melakukan komunikasi bersama untuk memperoleh sesuatu bahasa itu secara semula jadi.

## Penguasaan Bahasa Awal Kanak-kanak

Kanak-kanak sudah mula untuk menguasai bahasa seawal kehidupan mereka. Walaupun seseorang bayi tidak mampu untuk berkata-kata pada usia seawal lapan atau Sembilan bulan pertama selepas kelahirannya, namun mereka tetap dapat berhubung dengan ibu bapa atau penjaga menerusi isyarat bahasa yang biasa didengar olehnya.

Bunyi bahasa yang paling terawal dalam membolehkan manusia untuk berkomunikasi dengan manusia yang lain adalah melalui tangisan. Apabila seseorang bayi yang baru dilahirkan, suatu kebolehan yang perlu dilakukan ialah menangis. Tangisan merupakan satu cara untuk berkomunikasi yang paling awal ditunjukkan oleh seseorang kanak-kanak untuk berinteraksi orang yang berada disekeliling mereka, terutamanya ibu bapa dan penjaga mereka. Menurut Mahzan Arshad (2012), seseorang bayi mempunyai beberapa jenis tangisan tetapi beliau hanya menekankan kepada tiga tangisan iaitu:

- a. **Tangisan lapar** -Seseorang bayi akan melahirkan tangisan ini apabila dirinya merasa lapar dan tangisan ini akan berpanjangan berlaku apabila seseorang bayi atau kanak-kanak berasa lapar dan dirinya sangat memerlukan makanan mahupun minuman. Tangisan ini akan reda sebaik sahaja bayi itu disusukan atau diberikan minuman dan makanan yang sudah biasa bagi dirinya.
- b. **Tangisan sakit** – Seseorang bayi akan menangis apabila terjadinya penderitaan daripada kesakitan yang dialami olehnya. Tangisan ini akan berlaku secara lantang dan juga secara berterusan walaupun ia telah dibelai mahupun dipujuk oleh ibu bapa atau penjaganya. Bayi akan sentiasa berjaga dan gelisah, tangisan ini akan hanya reda sekiranya bayi itu diberikan rawatan ataupun di tidurkannya semula
- c. **Tangisan tidak selesa** – bayi akan mula menangis apabila ia merasakan dirinya tidak selesa dengan keadaan di sekelilingnya. Tangisan ini boleh berlaku ketika bayi itu dalam keadaan yang tidak selesa seperti basah, kotor, tau terdapat bunyi bising yang boleh mengganggu ketenteraman dirinya atau tidak ada sesiapa di sampingnya. Tangisan ini boleh diredakan apabila keinginannya dapat dipenuhi seperti lampin atau pakaian ditukarkan atau dibersihkan, ataupun ia dialih ke tempat yang lebih selesa dan selamat.

## Peringkat Awal Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak

Terdapat jangka masa yang sangat penting dalam kehidupan seseorang kanak-kanak yang berkait rapat dengan perkembangan pemerolehan bahasa mereka, iaitu:

- Sewaktu umur seseorang bayi dilahirkan sehingga ia mencapai umur tiga tahun pertama, pada tahap ini kanak-kanak secara tidak langsung akan dapat mempelajari bahasa daripada persekitarannya kehidupannya. Walaupun seseorang kanak-kanak mempunyai kebolehan semula jadi untuk menyerap dan mempelajari bahasa, pendedahan terhadap penggunaan bahasa yang betul amat penting untuk menggalakkan proses penyerapan ini berlaku dengan sempurna. Seseorang Kanak-kanak yang dikesan mempunyai kecacatan dalam alat pertuturan dan pendengaran atau menghidap sesuatu penyakit yang boleh mengakibatkan kecacatan pada bahagian otak yang dapat memproses bahasa ketika ini, berkemungkinan untuk dapat dipulihkan seperti kanak-kanak yang normal adalah amat tipis.
- Pada usia kanak-kanak tiga hingga lapan tahun, pada peringkat ini kanak-kanak akan turut melibatkan dirinya secara langsung dalam menggunakan bahasa untuk berkomunikasi. Pada waktu ini adalah amat sangat penting untuk seseorang kanak-kanak yang sudah mulai fasih dalam menguasai bahasa pertama mereka, iaitu bahasa ibunda atau bahasa yang dituturkan di rumah oleh ahli keluarga mereka. Kanak-kanak juga berkemungkinan untuk dapat menguasai bahasa kedua iaitu bahasa asing atau bahasa kedua yang sangat penting untuk sesebuah negara menggunakan bahasa asing tersebut dalam urusan harian sama ada secara rasmi atau tidak. Pada usia ini, seseorang kanak-kanak dapat menguasai bahasa kedua dengan lebih mudah sebelum usia sebelas tahun. Selepas usia dua belas tahun, tingkap untuk menguasai bahasa secara semula jadi akan tertutup. Selepas waktu tersebut seseorang perlu mempelajari sesuatu bahasa yang ingin dikuasainya.

Ketika berada pada tahap usia yg kritikal inilah ibu bapa dan juga penjaga hendaklah memberikan bimbingan dan juga sokongan yang bersesuaian kepada kanak-kanak supaya mereka boleh menguasai bahasa dengan mantap. Terdapat hanya segelintir kanak-kanak yang mudah memperoleh bahasa pertama dengan mantap. Pelbagai program bahasa yang dijual di pasaran untuk digunakan oleh ibu bapa atau penjaga di rumah bagi meningkatkan keupayaan berbahasa kanak-kanak pada usia tersebut. Satu ketika dahulu, program dalam bentuk audio-video amat popular dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai alat pemain kaset atau video. Hari ni terdapat banyak program komputer yang membanjiri pasaran untuk membantu ibu bapa mendorong anak mereka menguasai bahasa mereka. Namun, cara untuk membantu kebolehan untuk berbahasa serta menjadikan amalan untuk menggunakan bahasa dengan baik adalah dengan memberikan rangsangan awal kepada kanak-kanak dengan menanamkan minat membaca kepada mereka. Ini kerana bahasa yang terdapat dalam penulisan buku merupakan bahasa yang lengkap dan juga baku, oleh yang demikian alat bantuan seperti buku ataupun bahan bacaan lain yang bersesuaian hendaklah diberikan kepada kanak-kanak di awal usia lagi untuk memupuk kemahiran dan juga dapat meningkatkan lagi potensi kanak-kanak dalam berbahasa.



## **Teori Perkembangan Kognitif**

Ahli sains dalam bidang kognitif telah pun berkembang semenjak abad yang ke-20 lagi. Bidang kognitif ini telah pun banyak digunakan dalam bidang disiplin ilmu yang ingin dikaji dan juga diterokai dalam pelbagai jenis bidang dipelbagai peringkat institusi pendidikan. Sains kognitif ini juga mampu untuk mempengaruhi dan memberikan impak yang amat besar kepada pengetahuan tentang perkembangan dan juga pemerolehan bahasa kanak-kanak. Bagi sesetengah individu yang menyokong pandangan serta pemikiran dari aspek perkembangan kognitif ini akan mula untuk beranggapan bahawa seseorang kanak-kanak itu mula untuk mempelajari bahasa mereka secara berperingkat dan pada peringkat tertentu ia haruslah dilalui dan juga dapat dikuasai sepenuhnya sementara mereka cuba untuk merangsang kemahiran berbahasa pada peringkat yang seterusnya. Bagi pendokong teori kognitif ini mereka berpendapat bahawa seseorang manusia tidak akan mampu untuk mempelajari sesuatu bahasa itu secara semula jadi, namun mereka boleh mempelajarinya secara berperingkat.

### **a. Konsep sokongan Vygotsky (1978)**

Kanak-kanak akan mempelajari bahasa melalui prose meniru ataupun cuba untuk menyebut semula apa-apa yang mereka dengar atau yang dialami olehnya semasa hayatnya. Konsep yang disarankan oleh Vygotsky ialah konsep “sokongan” yang merupakan salah satu konsep yang menegaskan bahawa seseorang kanak-kanak itu perlu untuk menerima bantuan daripada orang yang lebih dewasa dalam mempelajari kemahiran yang asas untuk berbahasa. Apabila seseorang kanak-kanak telah pun mendapat kemahiran asas berbahasa yang kukuh dan mantap, maka galakan tersebut akan berkurangan dan secara perlahan-lahan ia akan menghilang. Tokoh bahasa dari Russia ini amat mempercayai bahawa seseorang kanak-kanak akan mampu untuk menguasai kemahiran berbahasa dengan bantuan orang yang lebih dewasa (Mahzan Arshad & Wu Hsenh Chen, 2009). Disebabkan itu, kanak-kanak perlulah sentiasa diberikan pendedahan yang awal dengan aktiviti berbahasa agar mereka dapat belajar menguasai sesuatu bahasa dengan lebih baik lagi.

### **b. Proses penguasaan Bahasa Halliday (1975)**

Halliday, merupakan seorang lagi ahli linguistik yang berbangsa Inggeris yang mempunyai pendapat tentang penguasaan bahasa merupakan salah satu proses yang aktif yang akan terjadi apabila seorang kanak-kanak cuba untuk mempelajari bahasa yang betul menerusi kemampuannya dalam membuat penelahan. Sewaktu proses ini, kanak-kanak akan melakukan pelbagai jenis kesilapan dan membuat penambahbaikan terhadap kesilapan tersebut secara berperingkat-peringkat. Daripada kesilapan yang mereka lakukan inilah yang akan dapat membolehkan mereka untuk menguasai bentuk bahasa yang betul. Konsep ini jelas dalam menegaskan bagaimana seseorang kanak-kanak itu mampu untuk meningkatkan penguasaan berbahasa mereka dalam menerusi pembelajaran dan bukannya menerusi proses yang berlaku secara semula jadi semata-mata.

Kanak-kanak yang dididik dan dibesarkan dalam persekitan budaya serta kelompok sosial yang berbeza, akan tetap melalui tahap dan juga tempoh pembelajaran yang sama ketika ia belajar bertutur dalam bahasa ibunda mereka. Ibu bapa atau penjaga yang harus bertanggungjawab dalam memberikan persekitaran bahasa kepada kanak-kanak agar mereka dapat menguasai kemahiran ini secara semula jadi. Ibu bapa atau penjaga juga harus bahawa tiada kelas atau program yang khusus lebih berkesan untuk mengajar kanak-kanak bertutur dengan baik selain daripada persekitaran bahasa yang baik yang dapat diberikan oleh ahli keluarga atau persekitaran tempat kanak-kanak tersebut dibesarkan.

Seseorang kanak-kanak berkemungkinan mampu untuk mencapai sesuatu tahap berbahasa pada peringkat umur yang lebih cepat berbanding dengan seseorang kanak-kanak lain yang mungkin sebaya dengannya, akan tetapi kedua-duanya akan mampu untuk sampai tahap tersebut. Perbezaan antara kanak-kanak yang cepat dalam menguasai bahasa dengan kanak-kanak yang lambat ialah bergantung kepada peluang dan pendedahan yang diberikan kepada mereka. Semakin banyak peluang dan pendedahan yang diberikan, semakin kayalah bahasa mereka, semakin sedikit peluang dan pendedahan semakin miskinlah bahasa mereka. Pemerolehan bahasa seorang kanak-kanak adalah berbeza, namun kanak-kanak yang mempunyai pertumbuhan normal akan cepat untuk belajar tentang bentuk asas bahasa mereka sebelum mereka menjelang usia lima tahun. Noam Chomsky (1965) merupakan salah seorang ahli bahasa dan linguistik di Amerika Syarikat yang bersetuju bahawa setiap manusia itu akan mempunyai satu Mekanisma dalam Penguasaan Tatabahasa (MTP) dalam bahasa ibundanya. Mekanisma ini akan membolehkan manusia untuk menguasai tatabahasa ibundanya secara semula jadi.

**Jadual 1.1: Perbandingan Perkembangan Fizikal dan Perkembangan Bahasa**

<b>Umur (Tahun; Bulan)</b>	<b>Perkembangan Gerak Fizikal</b>	<b>Perkembangan Bahasa</b>
0;3	Dapat mengangkat kepala.	Sudah mulai membebel dan mengagah apabila dirangsang oleh orang terdekat
0;6	Dapat duduk dengan bantuan ibu bapa atau penjaga.	Bebelan dan pengagahan bayi semakin kerap dan rancak.
0;9	Boleh duduk tanpa bantuan ibu bapa atau penjaga. Sudah mula merangkak dan cuba untuk berdiri dengan memegang juga menarik.	Bebelan atau mengagah dengan suara yang menyerupai bahasa yang seakan-akan boleh difahami.
1;0	Sudah mula untuk berjalan apabila tangannya dipegang dan boleh berdiri	Holofrasa (merupakan perkataan satu kata)

	dengan sendiri tanpa bantuan orang dewasa.	yang sudah mampu untuk diucapkan.
1;3	Berjalan seperti hendak jatuh dan berhati-hati. Merangkak	Mampu untuk melakukan Pemanjangan kata yang berlebihan serta penyempitan kata.
1;6	Sudah boleh berjalan dengan sendiri. Merangkak dan boleh naik dan turun tangga dengan cara mengundur.	Sudah mampu menuturkan dua holofrasa secara berurutan dengan cepat.
1;9	Boleh berjalan sempurna dan cuba untuk berlari.	Sudah mulai untuk menuturkan ayat
2;0	Mampu berjalan dengan baik. Naik ataupun turun tangga dengan cepat.	Mulai mengucapkan ayat tiga kata.
2;6	Sudah mula boleh menaiki basikal roda dengan bantuan kedua kakinya untuk menolak.	Boleh mengujarkan ayat empat kata. Ini kerana Sistem vokalnya sudah mulai sempurna.
3;0	Boleh mengayuh basikal yang beroda tiga.	Sudah mampu untuk menggunakan kata ganti nama diri sewaktu berkomunikasi.
3;6	Sudah pandai untuk melompat.	Sistem konsosannya telah pun dikuasai olehnya kecuali bunyi-bunyi gesekan dan gugus konsonan
4;0	Sudah boleh turun tangga dengan yakin.	Kemahiran sintaksis sudah cukup baik akan namun ianya masih lagi terhad.
5;0	Sudah dapat menaiki dan menuruni tangga dengan berlari dan melompat.	Sudah mampu mengucapkan bunyi gesekan dan gugusan konsonan dengan sempurna.

(Mahzan Arshad, 2012:31)

### **Pertuturan Awal Kanak-Kanak**

Proses untuk menguasai bahasa akan bermula pada saat seseorang kanak-kanak itu akan untuk cuba berkomunikasi dengan orang terdekat, khususnya ibu bapa atau penjaga



mereka dengan menggunakan bentuk bahasa yang tidak lengkap tetapi penuh dengan makna dan juga bahasa badan. Pada usia seawal tiga bulan pertama kanak-kanak akan mula memainkan rongga mulut mereka untuk bertutur. Mereka akan kerap mengeluarkan buih untuk menunjukkan bahawa mereka ingin menggunakan alat pertuturan dengan aktif. Tumpuan pandangan kanak-kanak pada usia ini akan lebih berfokus pada mulut dewasa apabila mereka diagah atau ditegur. Seseorang kanak-kanak akan segera memberikan respons yang positif atau negatif apabila melihat orang dewasa berkata-kata dengan mereka. Mereka akan tersenyum ataupun tergelak kecil sekiranya ditegur secara lembut dan manja, dan sebaliknya mereka akan menangis sekiranya ditegur secara kasar dan mengejut. Hal ini menunjukkan bahawa seseorang kanak-kanak pada awal usia telah dapat memahami bahawa pertuturan merupakan alat komunikasi antara dirinya dengan orang yang berada di sekeliling.

Pertuturan awal ini akan menjadi semakin mantap apabila seseorang kanak-kanak dapat menyebut dengan jelas setiap perkataan pertama mereka, sama ada bila dia memanggil ibunya atau ahli keluarga lain. Kanak-kanak pada awal usia kelahirannya boleh berkomunikasi dengan orang yang berada di sekelilingnya menerusi bahasa tanpa kata-kata. Seseorang kanak-kanak itu akan dapat menguasai keupayaan untuk berkomunikasi secara lebih mantap apabila ibu bapa atau penjaga dapat memahami bahawa setiap pergerakan seseorang kanak-kanak tersebut mengandungi makna dan daya tarikan yang tersendiri.

### **Pernyataan Masalah**

Kepelbagaian latar sosial, budaya dan tahap ekonomi keluarga seseorang individu dikatakan amat mempengaruhi gaya pertuturan seseorang, terutamanya golongan kanak-kanak yang mempunyai koleksi perbendaharaan kata yang banyak adalah lebih cenderung untuk menerima koleksi perbendaharaan kata dalam mindanya. Permasalahan utama yang dapat pengkaji ketengahkan adalah kepelbagaian latar sosial keluarga seseorang kanak-kanak dapat mempengaruhi gaya pertuturan dan juga pemerolehan bahasa kanak-kanak. Perkembangan saiz otak bagi seseorang kanak-kanak mempunyai pertumbuhan yang sangat pesat berbanding dengan saiz otak orang-orang dewasa. Perkembangan komunikasi kanak-kanak berlaku semenjak dari awal ia dilahirkan lagi. Pada usia seawal tiga bulan bayi sudah mula pandai membalas senyuman apabila menerima rangsangan dari luar, contohnya rupa paras seseorang, renungan mata, suara mahupun sentuhan. Ketika berusia dua belas bulan bayi sudah mula bertutur dengan sederhana dan mengikut pertuturan ibunya ataupun orang yang berada disekitarnya, dan pada usia dua tahun ke atas seseorang kanak-kanak mampu berkomunikasi serta meniru gerak geri seseorang dan juga mempelajari bentuk ekspresi wajah. Banyak kajian telah dijalankan tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak. Kajian tersebut seperti kajian yang dilakukan oleh Halliday (1975) yang terbatas kepada menghuraikan pertumbuhan bahasa kanak-kanak yang dilihat dari sudut sociolinguistik, menurut kajiannya ini beliau beranggapan bahawa pertumbuhan bahasa kanak-kanak adalah melibatkan satu proses kognitif dan juga proses interaksi antara bahasa. Halliday telah menggunakan bukti daripada hasil pemerhatian tentang pertumbuhan bahasa kanak-kanak untuk menguji hipotesisnya tentang perkembangan bahasa seseorang kanak-kanak, beliau mendapati bahawa kanak-kanak mempunyai keperluan untuk berkomunikasi dengan keluarga dan juga masyarakat yang ada dalam persekitaran mereka. Pada pandangan beliau, interaksi

bahasa ataupun perbualan amat penting sekali dalam membantu kanak-kanak untuk menguasai bahasa. Selain itu, proses kognitif juga amat penting bagi perkembangan bahasa kanak-kanak, terutamanya dalam usaha kanak-kanak untuk mengungkap sesuatu makna bahasa yang terkandung dalam situasi harian mereka dan kemudiannya menggambarkan sesuatu makna tersebut dalam bentuk bahasa. Kekurangan kajian untuk mengenal pasti hubungan antara ciri paralinguistik yang digunakan oleh kanak-kanak dalam berkomunikasi dengan perkembangan pemerolehan bahasa mereka dapat membuka ruang kepada penyelidik untuk menjalankan penyelidikan untuk mengenal pasti dan menjelaskan dengan lebih rinci tentang bahasa tubuh badan yang sering kanak-kanak gunakan untuk berkomunikasi.

Pemmasalahan seterusnya ialah pengkaji mendapati keupayaan seseorang kanak-kanak untuk menunjukkan sesesuatu objek ataupun benda agak terhad dalam bahasa dan mereka akan cuba untuk menyampaikan sesuatu maksud dengan menggunakan simbol mahupun isyarat. Bahasa badan atau pun bahasa gerak geri mempunyai istilah yang amat luas untuk pelbagai bentuk komunikasi yang sering menggunakan gerak badan atau pun isyarat sebagai menggantikan komunikasi lisan ataupun sebagai pelengkap untuk bahasa lisan dan bentuk-bentuk komunikasi yang lain. Ia merupakan salah satu kategori ataupun ciri paralinguistik yang merangkumi segala jenis komunikasi manusia yang bukan bahasa. Jean Piaget (1936) pula mengkaji tentang perkembangan kognitif dalam kalangan kanak-kanak yang menunjukkan peningkatan yang positif dalam mendalami persekitaran dan juga pemikiran tentang sesuatu perkara yang wujud di sekelilingnya. Kanak-kanak akan mula boleh berfikir tentang perkara yang akan datang dan mampu untuk berbincang tentang perkara yang sudah lepas. Perkembangan kognitif seseorang kanak-kanak pada tahap ini adalah dengan menggunakan isyarat untuk menunjuk sesuatu objek. Kemampuan mereka untuk menggunakan isyarat ini ditunjukkan melalui aktiviti bermain, mengigat dan juga kemahiran menggunakan bahasa. Hal ini kerana keupayaan kanak-kanak untuk menunjukkan sesuatu objek atau pun benda agak terhad dalam bahasa dan mereka cuba untuk menyampaikan sesuatu maksud dengan menggunakan isyarat mahupun simbol. Ketiadaan penyelidikan yang khusus tentang unsur paralinguistik dalam komunikasi kanak-kanak memberikan lompang kepada penyelidik untuk mengkaji jenis unsur paralinguistik yang sering kali mereka gunakan sewaktu berlangsungnya komunikasi.

Permasalahan yang dapat dilihat oleh pengkaji seterusnya ialah faktor berbahasa yang diperolehi oleh kanak-kanak daripada persekitaran mereka akan menentukan corak bahasa yang akan digunakan oleh kanak-kanak secara tekal. Kebanyakan kajian yang dijalankan lebih menjurus kepada perkembangan pemerolehan bahasa kanak secara amnya. Azhar Md.Adnan (1998), dalam kajiannya lebih memberikan fokus kepada faktor yang menyumbang kebolehan membaca kanak-kanak tahun satu di sekolah-sekolah rendah luar Bandar di daerah Miri, Sarawak. Hasil kajian yang telah beliau dapati ialah wujudnya hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu tentang kemampuan dan juga keperluan seseorang kanak-kanak terhadap kebolehan awal membaca kanak-kanak. Menurutny lagi, ibu di dalam kalangan kanak-kanak yang sudah pandai membaca bersetuju bahawa pendidikan awal anak-anak adalah penting. Kajian ini memberikan lompang kepada penyelidik untuk menganalisis tentang faktor yang mempengaruhi seseorang kanak-kanak untuk menggunakan unsur paralinguistik semasa berkomunikasi.

### **Persoalan Kajian**

- i. Apakah hubungan antara paralinguistik yang sering digunakan oleh kanak-kanak dengan perkembangan pemerolehan bahasa mereka?
- ii. Apakah ciri paralinguistik yang kerap digunakan oleh kanak-kanak apabila berkomunikasi?
- iii. Apakah faktor yang mendorong seseorang kanak-kanak untuk menggunakan bahasa gerak geri apabila berkomunikasi?

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. untuk mengenal pasti hubungan antara paralinguistik yang kerap digunakan oleh kanak-kanak dengan perkembangan pemerolehan bahasa mereka.
- ii. untuk menjelaskan ciri paralinguistik yang kerap digunakan dalam komunikasi kanak-kanak.
- iii. untuk menganalisis faktor yang mendorong seseorang kanak-kanak untuk menggunakan paralinguistik apabila berkomunikasi.

### **Batasan Kajian**

Objektif pertama kajian ini terbatas kepada untuk mengenal pasti kekerapan bahasa badan yang digunakan oleh seseorang kanak-kanak dengan perkembangan pemerolehan bahasa mereka. Dalam objektif ini, pengkaji ingin melihat sejauh manakah perkembangan pemerolehan bahasa seseorang kanak-kanak dengan kekerapan paralinguistik yang mereka selalu gunakan apabila berkomunikasi sama ada dengan guru dan juga rakan sebaya. Seramai 10 orang responden yang terdiri daripada kanak-kanak yang berusia 1 hingga 5 tahun yang terdiri daripada 7 orang kanak-kanak perempuan dan 3 orang kanak-kanak lelaki. Jangka masa yang di ambil oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini adalah selama 2 bulan bermula pada awal bulan febuari 2015, bertempat di Taska Universal Pintar, Seri Serdang, Selangor. Kajian ini dilakukan selama 4 kali seminggu selama 3 jam sehari. Sebanyak tiga set kad imbasan yang berbentuk gambar dan juga berwarna terang digunakan semasa kajian dijalankan untuk menarik minat kanak-kanak untuk melihat tahap pemerolehan bahasa mereka. Namun untuk mendapatkan data kajian bagi objektif yang pertama, hanya 5 orang responden yang dapat dirakam video semasa sesi pembelajaran kad imbasan bersama-sama dengan penyelidik. Hal ini kerana 5 orang lagi responden hanya di ambil datanya melalui rakaman video sahaja kerana sebilangan lagi responden tidak mampu lagi untuk mengujarkan bentuk-bentuk perkataan dan hanya menggunakan bahasa badan sahaja untuk berkomunikasi.

Objektif kedua kajian pula hanya terbatas kepada untuk menjelaskan ciri paralinguistik yang paling kerap digunakan oleh kanak-kanak dalam berkomunikasi. Data kajian untuk objektif kedua diambil melalui rakaman video kanak-kanak yang belum mampu untuk mengujarkan bentuk perkataan dan hanya menggunakan bahasa badan sahaja untuk berkomunikasi. Kebanyakan responden terdiri daripada kanak-kanak yang berusia 2 tahun kebawah. Selain itu juga data untuk kajian kedua juga hanya terbatas kepada hasil temu bual bersama tenaga pengajar taska universal pintar dan juga ibu bapa kanak-kanak secara sepiutan.

Objektif ketiga kajian ini terbatas kepada penganalisan tentang faktor yang mendorong seseorang kanak-kanak untuk menggunakan paralinguistik ketika berkomunikasi. Banyak faktor yang mendorong seseorang kanak-kanak menggunakan bahasa badan ketika berkomunikasi seperti faktor latar belakang keluarga, sosial, ekonomi dan sebagainya. Batasan bagi objektif yang ketiga terbatas kepada hasil temu bual bersama ibu bapa dan juga tenaga pengajar taska universal pintar.

### **Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian yang dapat pengkaji lihat daripada kajian ini, ialah melalui kajian ini tenaga pengajar khususnya guru-guru yang mendidik kanak-kanak di awal usia pemerolehan bahasa dapat mengaitkan hubungan antara ciri paralinguistik yang sering digunakan oleh kanak-kanak semasa berkomunikasi sama ada dengan rakan sebaya, ibu bapa ataupun penjaga dengan tahap perkembangan pemerolehan bahasa mereka. Pengkaji mendapati bahawa kajian ini sangat penting kerana ia masih kurang dikaji dari segi bahasa badan yang digunakan oleh kanak-kanak ketika proses komunikasi berlaku berbanding dengan kajian tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak yang kebanyakannya telah pun dikaji oleh para pengkaji bahasa diluar sana. Menerusi kajian ini juga, para pendidik di pusat-pusat asuhan mahupun taska dapat mempraktikkan aktiviti mempelajari bahasa secara lebih kreatif lagi, supaya ia mampu mendorong kanak-kanak untuk mempelajari bahasa dengan menggunakan alat bantuan belajar seperti flash card. Flash card mampu untuk menjadi salah satu alat mahupun kaedah pengajaran yang boleh merangsang minat kanak-kanak untuk menjalani proses pembelajaran. Selain itu juga gambar yang digunakan pada flash card juga dapat menjadikan ia senang untuk diingati kerana warna-warna yang terang dan menarik digunakan untuk menarik perhatian anak-anak kecil ini.

Pengkaji dapat menjelaskan ciri bahasa badan yang kerap kanak-kanak gunakan dalam berkomunikasi. Komunikasi seseorang kanak-kanak mungkin berbeza apabila mereka berkomunikasi dengan kanak-kanak yang sebaya dengan mereka berbanding dengan ibu bapa. Kanak-kanak berkemungkinan lebih menggunakan ciri bahasa badan apabila berkomunikasi dengan ibu bapa berbanding dengan rakan sebaya mereka. Kajian ini diharapkan dapat membantu para pendidik dan juga ibu bapa untuk lebih peka terhadap penggunaan bahasa badan oleh kanak-kanak. Selain itu juga pengkaji berharap agar dapatan kajian yang diperoleh ini akan dapat membantu para pendidik, pengkaji bahasa, Ibu bapa dan juga penjaga dalam usaha untuk meningkatkan tahap perkembangan pemerolehan bahasa kanak-kanak. Di samping itu juga, kajian ini juga amat penting untuk menyelidik menganalisis faktor yang boleh mendorong kanak-kanak dalam menggunakan bahasa gerak geri dalam menyampaikan sesuatu maklumat semasa

berkomunikasi. Faktor yang dapat dilihat mungkin berbeza dari segi latar belakang keluarga, ekonomi dan sosial seseorang kanak-kanak dan pengkaji merasakan ia perlu dianalisis secara perinci lagi. Kepentingan kajian ini juga diharapkan dapat memberikan sumbangan ke arah pementukan modal insan pada masa akan datang serta berketerampilan dalam komunikasi

## **Definisi Operasional**

### **Paralinguistik**

Istilah parabahasa atau lebih dikenali dengan istilah paralinguistik mula diperkenalkan dan dikaji oleh Smith dan Trager (1948-53), yang pada awalnya telah membezakan data paralinguistik daripada data yang perlu dimasukkan dalam kategori bahasa (R.L. Birwhistell, 1972). Paralinguistik juga berkaitan dengan kajian tentang peristiwa fizikal dan biologi yang terlibat dalam perlakuan pertuturan dan juga pendengaran Paralinguistik merupakan salah satu bahasa badan yang sering melengkapi komunikasi sesama manusia tanpa kita sedari. Paralinguistik berkait rapat dengan bidang linguistik kerana dalam setiap pertuturan manusia akan diikuti dengan unsur emosi. Sewaktu berkomunikasi manusia secara tidak langsung telah melibatkan anggota badan dalam memainkan peranan untuk menyatakan sesuatu. Hal ini kerana apabila terjadinya sesuatu komunikasi manusia secara tidak langsung melibatkan bahasa badan yang dianggap sebagai perkara yang di luar kawalan.

### **Pemerolehan Bahasa**

Menurut Tay Meng Guat (2006), pemerolehan bahasa merupakan salah satu daripada proses pembelajaran bahasa manusia. Pada amnya pemerolehan bahasa pertama ini selalu tekankan dengan perkembangan dan juga pertumbuhan bahasa kanak-kanak di awal usia. Manakala pemerolehan pula lebih tertumpu kepada penguasaan bahasa kedua iaitu, ianya tertumpu kepada perkembangan dan pembelajaran bahasa orang bagi golongan dewasa iaitu (language Acquisition : On- Line). Terdapat juga sisi pandangan yang berbeza menyatakan bahawa terdapat dua aktiviti yang terlibat dalam pemerolehan bahasa dalam golongan kanak-kanak iaitu pemerolehan bahasa dan juga pembelajaran bahasa. Menurut Mangantar Simanjuntak (1982) pemerolehan bahasa itu bermaksud penguasaan bahasa oleh kanak-kanak seawal umur seawal 2 hingga 6 tahun. Dalam kajian ini pengkaji lebih menumpukan kepada pemerolehan bahasa pertama kanak-kanak terutamanya dalam pemerolehan bahasa Melayu terhadap kanak-kanak yang berusia dalam lingkungan umur yang telah dinyatakan oleh Manjuntak iaitu yang berumur dalam lingkungan 2 hingga 6 tahun, kerana tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak pada usia ini amat kritikal.



### **Kanak-kanak**

Menurut Kamus Dewan Edisi Empat (2004) Kanak-kanak merupakan seseorang yang digelarkan budak ataupun anak yang masih kecil yang didefinisikan sebagai manusia yang muda iaitu seorang yang belum lagi melalui tahap baligh serta belum lagi mampu untuk membuat sebarang keputusan dengan sendirinya. Pembahagian peringkat kanak-kanak ini terbahagi kepada dua peringkat, iaitu kanak-kanak diperingkat awal, kanak-kanak diperingkat pertengahan usia dan juga kanak-kanak diakhir usia, kanak-kanak awal usia merupakan seorang bayi sehingga ianya mencecah umur 6 tahun manakala kanak-kanak di usia pertengahan dan juga akhir adalah antara umur 7 tahun hingga 12 tahun. Dalam kajian ini pengkaji menfokuskan kanak-kanak yang berusia 1 hingga 5 tahun, kerana pada tahap umur inilah pemerolehan bahasa mereka adalah sangat kritikal.



## BIBLIOGRAFI

- Abdul Rashid Jamian (2002), *Pemerolehan dan Penguasaan Sintaksis Bahasa Melayu di Kalangan Kanak-Kanak Pra Sekolah*. PhD Tesis. Universiti Putra Malaysia.
- Allan dan Barbara Pease (2004). *The Definitive Books of Body Language*. Pease International PTY.LTD. AUSTRALIA
- Alimah Lob (2010), *Penguasaan Lisan Bahasa Melayu dalam Kalangan Kanak-kanak Pra Sekolah di Singapura*. PhD Tesis. Universiti Putra Malaysia.
- Ananda Kumar Palaniappan (2009:89). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Selangor. Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar (1985). *Bentuk Bahasa Kanak-Kanak Melayu*. Jurnal Dewan Bahasa, Jilid 29: Bil 9. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar (1992). *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar (1996). *Wacana Perbincangan, Perbahasa dan Perundingan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Md. Adnan (1998). *Faktor-Faktor Yang Menyumbang Kebolehan Membaca Kanak- Kanak Tahun satu Di Sekolah-Sekolah Rendah Luar Bandar Di Daerah Miri, Sarawak*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia.
- Baharuddin & Khairie (2006). *Perkembangan Bahasa Kanak-kanak*. Puchong. Multimedia Sdn.Bhd.
- Baker. L.L (1982). *Kinesics and Context: Essays On Body- Motion Communication* Victoria. Australia: Penguin Books.
- B. F Skinner (1957). *Verbal Behaviour of Organisms, Action*, Massachusetts: Copley Pub. Group.
- Bjorn Schuller & Anton Batliner (2013). *Computational Paralinguistic Emotion Affect and Personality in Speech and Language Processing*. United Kingdom.
- B. Bloch dan G. Trager (1942). *Outline of Linguistic Analylsis*. Waverly Press.
- Bloch, Bernard & Trager, George L. (1942). *Outline Of Linguistic Analylsis Special Publication Of The Linguistic Society Of America* Baltimove: Linguistic Society America.
- Birwhistell, R. L. (1972) "*Paralanguage Twenty-Five Years after Sapir*". Dlm. Laver and Hutheson (ed.), *Communication in Face to Face Interaction*, England: Penguin Books Ltd. 1972, hlm. 82-99

- Bukhari Bin Shafie (2009). *Okulesik Seorang Isteri dan Ibu*. Bahasa Verbal dan Bukan Verbal 1: komunikasi, pendidikan dan Penterjemahan (hlm: 64-72). Kuala Lumpur. ITBM.
- Chua Yan Piaw (2011: 127). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Kaedah Penyelidikan*. McGraw- Hill (Malaysia Sdn.Bhd). Kuala Lumpur.
- Glenn Doman (1955). *Kad Imbasan Rangsang Otak Kanan dan Kiri*. Majalah Pa&Ma (Edisi Khas Genius. Januari 2012). Shah Alam. Karang kraf.
- Hasuria Che Omar & Mashudi Kader (2009). *Penterjemahan Parabahasa dalam Teks Audiovisual*. Bahasa Verbal dan Bukan Verbal 1: Komunikasi, Pendidikan dan Penterjemahan (hlm 12-24). Kuala Lumpur. ITBM.
- Hashimah Mohammad (1999). *Teacher's Thinking and Classroom Practice*. Shah Alam.
- Halliday M. A. K (1975). *Learning How to Mean*. New York: Elsevier North- Holland.
- Jean Piaget (1936). *Origin of Interlligence In The Child*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Jurgen Esser (2006). *Presentation in Language: Rethinking Speech and Writing*. Tubingen Narr.
- Karashen (1982). *Infanst, Children and Adolescents*. Person Education, Perking University Press. Beijing.
- Kamaruddin Haji Hussin (1999). *Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia*. Pulau Pinang. Penerbit USM.
- Kaye Haw & Mark Hadfield (2011). *Video In Social Research: Function and Form*. Routledge.
- Krejcie, R.V dan Morgan D.W (1970). *Determining Sample saiz for Research Activiti Educational and Psychological Measurement*. 30: hlm 607.610.
- Mangantar Simanjuntak (1982), *Pemerolehan Bahasa Melayu : Bahagian Fonologi*. Jurnal Dewan Bahasa, Ogos/ September, 615-625.
- Mangantar Simanjuntak (1987). *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mangantar Simanjuntak (1987). *The Acquisition of Malay Syntax and Phonology*. International Conference of Modern Language. Kuala Lumpur.
- Mc Gary (1975). *Educational Psychology* (4<sup>th</sup> Edition). MacMilan.
- Mohd Nazar Mohamad (1990). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah laku Manusia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Nani Menon (2000), *Keberkesanan Kedah Gabungan Bunyi Kata Dalam Kebolehan Awal Bacaan Di Kalangan Kanak-Kanak Pra Sekolah*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia.
- Mahzan Arshad & Wu Hsenh Chen (2009). "Vygotsky's Socio- Cultur Theory of Literacy: Scaffolding Children to Read and Write at Early Age". *Wacana* 11(2), hlm, 319-334.
- Mahzan Arshad, (2012). *PENDIDIKAN LITERASI AWAL KANAK-KANAK: Teori Dan Amali*. Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malin, Perak.
- Mat Nor & Abdul Rashid Daing Melebek (2010). *Pemerolehan dan Pengajaran Bahasa*. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Selangor. Universiti Putra Malaysia.
- Marzalina Binti Mansor (2011). *Ayat Tanya Kanak-Kanak Berusia 2 Tahun: Satu Tinjauan Awal (Interogative Sentence: of Children Aged 2 Years)*. *Jurnal Melayu*. (8) 2011: hlm 189-206.
- Mohd Amin H. A Shariff (1994). "Teenagers in Crisis". Rekod dari Acedemy Scientific Meeting Of The Academy Of Medicine Of Malaysia. Kuala Lumpur. Oktober 1994.
- Mohd Amin H.A Shariff, (2003). *Perkembangan Kanak-Kanak*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur
- Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad (2006). *Pengantar Komunikasi*. Sintok. Universiti Utara Malaysia.
- Nik Safiah Karim et.al (1996). *Malay Grammar For Academics and Professionals*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noam Chomsky (1965). *Aspect of The Theory Of Syntax*. Cambridge. M.A: MIT Press.
- Nord, C.(1997). "Alice Abroad: Dealing With Description and Transcription of Paralanguage in Literary Translation". Dlm F. Poyatos (e.d) *Nonverbal Communication and Translation*, Amsterdam/ Philadelphia: John Benjamins Publishing Company, 1997. hlm 107-130.
- Nor Hasimah Jalaluddin (1999). *Relevens. Komunikasi dan Kognisi (Terjemahan)*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azmira Binti Mohammad (2001). *Pemerolehan dan Penguasaan Bahasa Di Kalangan Kanak-kanak*. Tesis Master. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Nor Shafrin Ahmad, Rahimi Che Aman & Fadzilah Amzah (2009). *Komunikasi Lisan dan Bukan Lisan Dalam Kalangan Guru Pelatih*, Bahasa Verbal dan Bukan Verbal 1: Komunikasi, Pendidikan dan Penterjemahan (hlm 12-24). Kuala Lumpur. ITBM.
- Norhiah Taslim (2010). *Lisan dan Tulisan: Teks dan Budaya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Safuan Mat Salleh (2011). *Implikatur Dalam Perbualan Pelajar*. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia.
- Poyatos, F.(1993). *Paralanguage: A Linguistic and Interdisciplinary Approach to Interactive Speech and Sound*. Amsterdam/ Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Puteri Roslina Abdul Wahid (2008). *Bahasa Resptif dan Bahasa Ekspresif Dalam Komunikasi Verbal: Pembelajaran Bahasa Melayu Kanak-kanak Sindrom Down*. Jurnal Pengajian Melayu. Jilid 19.
- Qorinta Shinta (2010). *Pemerolehan Pragmatik dala Bahasa Anak STUDI KASUS PRINSIP KERJASAMA- Maksim Grice pada Anak Usia Enam Tahun*. Dinamika Bahasa dan Ilmu Budaya, Vol 4, No.2, July 2010.
- Radiah Yusoff, Nor' Aini Ismail & Norazilah Buhari (2009). *Penggunaan Video Muzik Dalam Pengajaran Bahasa Bukan Verbal*. Bahasa Verbal dan Bukan Verbal 1: Komunikasi, Pendidikan dan Penterjemahan (hlm 144-153). Kuala Lumpur. ITBM.
- R.L Birdwistell (1970). *Kinesics and Context*. University Of Pennsylvania Press.
- Susan Juhin (2002). *Bahasa Antara di Dalam Pertuturan Bahasa Melayu Kanak-Kanak Masyarakat Bidayah di Daerah Bau, Sarawak*. Tesis Master. UPM
- Safar & Fatimah (1988). *Komunikasi Antara Manusia: Ciri-Ciri Penting Dalam Komunikasi Peribadi dan Komunikasi Awam*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsudin A.Rahim (1993). *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali (2011). *Pendekatan Bermain dalam Pengajaran Bahasa dan Literasi bagi Pendidikan Prasekolah (The Play Approach in Teaching Language and Literacy for Preschool Education)*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Malay language Journal Education (MyLEJ). ISSN: 1280-4842, Vol 1, Bil 2 (Nov. 2011).hlm : 1-15.
- Siti Muslihah Isnain dan Normaliza Abd Rahim (2012). *Gaya Ujaran Berbantu Komputer dalam Kalangan Kanak-Kanak Sekolah Rendah*. Jurnal Dewan Bahasa Jun (2012) 12 (1): hlm 126-150.
- Sperber , D. & D. Wilson (1986). *Relevance: Communication and Cognition*. 2<sup>nd</sup> Edition. Oxford: Blackwell.
- Suziyanti Abdul Mad (2011). *Kesan Elemen Ganjaran Terhadap Kanak-Kanak dalam Perkembangan Perbendaharaan Kata Bahasa Melayu*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia.
- Susan Elkin (2014). *100 Panduan Mengajar Komunikasi, Bahasa dan Literasi*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

- Tarigan, Henry Guntur (1990). *Pengajaran Bahasa*. Bandung. Angkasa
- Tay Meng Guat (2006). *Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak: Satu Analisis Sintaksis*. Jurnal Penyelidikan IPBL, Jilid 7.2006: hlm 88-108.
- Trager (1958). *Outline of Linguistic Analysis Special Publication Of The Linguistic Society Of America Baltimore*: Linguistic Society America.
- Trask (1996). *A Dictionary of Phonetics and Phonology*. Routledge. London
- Ulfiahi Rahman (2009). *Karakteristik Perkembangan Anak Usia Dini*. LENTERA PENDIDIKAN, Vol.12 No 1. Jun 2009: hlm 49-57.
- Vygotsky L.S (1978). *Mind in Society*. Cambridge. M.A: Harward Universiti Press.
- Vijayaletchumy A/P Subramaniam (2000). *Pemerolehan Bahasa di Kalangan Kanak-kanak Melayu*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia.
- Zaltul Azma Zainon Hamzah (2000). *Penggunaan Bahasa Dalam Pertuturan Kanak-Kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah (2002). *Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Kanak-Kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik*. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia.
- Zaltul Azma Zainon Hamzah dan Normaliza Abd Rahim (2007). *Penggunaan Gambar dalam Pembelajaran Bahasa*. Cendekia. Jabatan Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia. Selangor.